

Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam: Kajian Had Kifayah dan Faktor Memohon Zakat

Nurol Huda Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail*
Hjh Mas Nooraini Hj Mohiddin, Nurzakiah Hj Ramlee

*Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam*

*Pengarang Penghubung
nurolhuda.hajismail@unissa.edu.bn

Received: 14 July 2021
Accepted: 15 November 2021
Online First: 22 November 2021

ABSTRAK

Fakir miskin merupakan golongan permulaan yang disebut dalam ayat al-Quran surah al-Taubah bagi menerima zakat. Ini menunjukkan kesusahan mereka berbeza dan perlu diambil perhatian. Namun, bagaimana golongan ini boleh dikenali bagi pembahagian zakat. Justeru, objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti ciri-ciri fakir miskin, mengenalpasti kaedah penentuan had kifayah sebagai penanda aras keperluan semasa seseorang berserta tanggungannya dan mengkaji faktor golongan ini memohon zakat. Kajian kualitatif ini jenis kajian kepustakaan dan menggunakan kaedah analisa dokumen dan temubual. Data-data yang diperolehi dari kitab, artikel, kertas kerja, laman sesawang dan lain-lain akan dianalisis. Dari sorotan terhadap data-data yang diperolehi, dirumus bahawa had kifayah berbeza antara seseorang dengan orang lain. Manakala golongan fakir miskin memerlukan bantuan zakat sama ada untuk menampung keperluan semasa atau pun sebagai modal untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan, pertanian atau selainnya.

Kata kunci: fakir, miskin, had kifayah, mohon zakat



The Fakir Miskin Category of Asnaf in Brunei Darussalam: The Study on Had Kifayah (Zakat Poverty Line) and the Factors Influencing the Application of Zakat

ABSTRACT

Fakir miskin (the poor) is the first category of asnaf mentioned in verse 60 of Surah al-Taubah (9:60) who are entitled for zakat. This prioritisation indicates the distinct character of their hardship from other categories of asnaf and the need for their welfare to be attended to. The question is how can they be recognised to determine their eligibility to the distribution of zakat. Hence, the objectives of this study are to elucidate the categorisation of fakir miskin based on their standard of living and to establish had kifayah (zakat poverty line) as the mechanism to determine the standard basic needs of a person and his dependants. Furthermore, this study aims to identify the factors that cause/persuade them to apply for zakat. Qualitative research method is employed for the purpose of this study, which is library-based. Data extracted and collected from literatures; books, articles, working papers, and the internet are analysed. Finding of this study shows that had kifayah is different from one person to another. The main reasons for the application for zakat by fakir miskin are found to be as financial aid to cover basic needs and as capital to start a business or venture into agriculture and the like.

Keywords: *fakir, miskin, had kifayah, zakat application.*

PENDAHULUAN

Zakat adalah ibadah fizikal yang bermodalkan harta. Tujuan ibadah ini adalah bagi membersihkan harta yang dimiliki dari hak kepunyaan orang lain dan bagi membantu asnaf atau golongan yang layak menerima zakat yang ditentukan dalam al-Quran. Antara asnaf tersebut ialah asnaf fakir dan miskin. Keadaan kedua-dua asnaf fakir dan miskin berbeza dari sudut kesusahan dan keperluan menurut tafsiran ulama berdasarkan ayat 60 surah al-Taubah.

Penulisan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (1970) bertajuk *Orang Yang Menerima Zakat*, menjelaskan secara terperinci orang yang berhak menerima zakat, cara mengetahui mereka dan cara pengagihan zakat kepada mereka. Penulisan ini juga menjelaskan hukum orang yang wajib mengeluarkan zakat memindahkan zakat itu ke tempat lain dan hukum mengambil zakat bagi orang yang tidak berhak.

Artikel Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat (2014) bertajuk *Realiti Kemiskinan – Satu Kajian Teoritikal*, menerangkan aspek tafsiran kemiskinan secara umum dan risiko kemiskinan terhadap kestabilan masyarakat dan negara dalam bidang ekonomi dan sosio budaya. Konsep kemiskinan mutlak dan relatif serta kemiskinan di Malaysia dan negara-negara lain juga turut dikupas dalam artikel ini.

Buku tulisan Datin Dr Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit (2015) berjudul *Pentadbiran Zakat Di Negara Brunei Darussalam 1955-1991*. Buku ini mengupas orang yang berhak menerima zakat di Brunei Darussalam, kadar zakat, cara memohon zakat dan pengagihannya. Pengurusan dan pengagihan harta zakat dijelaskan dengan berdasarkan Peraturan Zakat dan Fitrah 1969.

Justeru, kajian ini akan mengkhususkan pendedahan asnaf fakir miskin yang merupakan bilangan teramai dalam kalangan asnaf penerima zakat di Brunei Darussalam dan perimeter yang digunakan bagi menentukan seseorang itu tergolong dalam asnaf ini. Kajian ini juga akan mengupas faktor mereka memohon zakat. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti ciri-ciri golongan fakir miskin dan kaedah penentuan had kifayah sebagai penanda aras keperluan semasa seseorang berserta tanggungannya selain untuk mengkaji faktor golongan ini membuat permohonan zakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan teknik analisa dokumen dan temubual. Melalui analisa dokumen, data diperolehi dari bahan bertulis seperti buku, artikel, kertas kerja, laman sesawang dan lain-lain akan

dianalisis. Maklumat yang terdapat dalam bahan-bahan tersebut diteliti, dihurai dan dinilai bagi menepati objektif kajian dan melahirkan hasil yang dikehendaki.

Penulis juga menggunakan kaedah temu bual. Dua jenis temu bual diaplikasi bagi mendapatkan data iaitu berstruktur dan separa struktur. Temu bual dilakukan melalui dua cara. Cara pertama ialah bersua muka dengan individu yang akan ditemu bual. Ini dilakukan bagi mendapat maklumat yang lebih terperinci kerana dalam masa sama, penulis akan dapat menyoal responden secara langsung dan dapat maklumat yang lebih dengan cara menyoal balik jawapan yang diberikan jika jawapan tersebut memerlukan lebih huraian. Tiga pihak yang ditemu bual iaitu Bahagian Pengurusan Zakat Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik Kementerian Kewangan, dan Jabatan Pembangunan Masyarakat Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Cara kedua ialah melalui aplikasi *whatsapp*. Cara ini dilakukan dengan menyediakan soalan yang telah disusun. Walaupun dalam ruang dan masa yang terhad, jawapan yang diberikan amat membantu penulis. Mereka yang dilibatkan dalam temu bual ini adalah asnaf yang telah berjaya berdikari dalam bidang perniagaan serta berstatus pengeluar zakat. Mereka berkeinginan untuk merubah kehidupan ke arah lebih baik melalui agihan zakat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Definisi Fakir dan Miskin

Definisi fakir dan miskin bagi penduduk Brunei Darussalam dijelaskan dalam Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah 1969. Peraturan-Peraturan ini adalah huraian dari Enakmen Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi 1955, No. 20. Peraturan tersebut berkuatkuasa pada 1 Januari 1969. Peraturan tersebut menjelaskan bahawa fakir ialah orang Islam yang papa yang tidak mempunyai apa-apa pencarian atau harta atau orang yang tidak boleh mengadakan setengah daripada keperluan untuk nafkahnya dan nafkah orang-orang yang wajib ditanggungnya. Contoh seseorang yang berbelanja sebanyak \$10 sehari tetapi pendapatan hanya \$4 ke bawah sahaja.

Pendapatannya tidak memenuhi keperluan diri dan tanggungannya pada hari itu yang memerlukan perbelanjaan sebanyak \$10.

Manakala miskin pula ialah orang Islam yang sungguhpun mempunyai sedikit harta atau apa-apa pencarian tetapi cuma dapat mengadakan lebih sedikit daripada separuh keperluan nafkahnya dan orang yang wajib ditanggungnya. Pendapatan tidak mencapai keperluan tetapi dapat lebih dari separuh keperluan

Setiap penerima zakat dalam kalangan fakir miskin ini disaksikan oleh seorang saksi. Penerima dan saksi perlu tanda tangan dalam borang merah yang disediakan (Hajah Saadiah, 2015).

Definisi fakir dan miskin yang diguna pakai di negara ini adalah selaras dengan pendapat Mazhab Syafi'i (al-Husaini, 1937) dan Hanbali (al-Buhuti, 1993) iaitu fakir merujuk kepada orang yang tidak dapat menampung lebih dari separuh keperluan hidupnya. Sedangkan miskin, dia dapat memperoleh separuh atau lebih dari keperluan yang dikehendakinya dalam sehari.

Kedudukan fakir memerlukan lebih bantuan kerana dia hanya dapat kurang dari separuh keperluan hariannya. Manakala miskin, walaupun tidak memperoleh semua yang diperlukannya, akan tetapi dia mendapat sebahagian besar yang diperlukannya. Oleh itu golongan fakir diletakkan dalam kedudukan pertama dalam senarai penerima zakat yang sebut dalam al-Quran.

Secara praktikal, fakir dan miskin di negara ini adalah satu kelompok yang sama walaupun kedua-duanya berbeza dari sudut definisi. Ini dapat dilihat pada tiga keadaan iaitu:

Pertama, penempatan fakir dan miskin dalam satu asnaf penerima zakat. Jadual di bawah memperlihatkan jumlah fakir dan miskin dicampur menjadi satu jumlah dan diletakkan dalam satu asnaf.

Jadual 1: Jumlah penerima zakat bagi asnaf fakir miskin tahun 2012 hingga 2019

Tahun	Ketua keluarga	Tanggungan	Jumlah
2012	644	1,718	2,362
2013	1,140	3,552	4,692
2014	759	2,290	3,049
2015	1,010	3,410	4,420
2016	2,735	6,851	9,586
2017	1,302	2,375	3,677
2018	1,127	2,542	3,669
2019	2,859	6,946	9,805

Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kedua, penentuan pendapatan isi rumah dalam kadar yang sama iaitu Kos Minimum Keperluan Asasi (KMKA) \$283. Tiada kadar yang lebih rendah daripada itu bagi menentukan seseorang pemohon zakat atau penerima zakat itu dalam kelompok fakir.

Ketiga, kadar pembahagian zakat. Jumlah yang diterima oleh setiap pemohon daripada asnaf fakir miskin adalah sama seperti belanja sara diri dan persekolahan.

Berdasarkan statistik jumlah ketua keluarga yang menerima zakat dari 2012 sehingga 2019 di Negara Brunei Darussalam, 2019 merupakan tahun tertinggi jumlah penerima iaitu 2,859 orang, berbanding dengan 2012 di mana jumlah penerima zakat paling rendah iaitu 644 orang sahaja. Peningkatan yang sangat ketara dalam tempoh lapan tahun. Jumlah tersebut merupakan pemohon zakat yang terpilih menerima zakat berbanding dengan bakinya yang tidak terpilih iaitu berdasarkan KMKA, tanggungan hutang dan lain-lain.

Setiap pemohon dikehendaki mengisi borang berwarna merah. Setiap borang permohonan akan diteliti oleh jawatankuasa yang terlibat. Jawatankuasa ini akan mencatat cadangan di dalam borang tersebut. Kemudian borang tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa yang bertanggungjawab mengeluarkan Zakat untuk mempertimbangkan permohonan. Keputusan yang dikeluarkannya adalah muktamad.

Definisi Had Kifayah dan Penentuannya

Had kifayah diperlukan bagi memudahkan penentuan seseorang itu sama ada dia tergolong dalam golongan fakir miskin dan layak menerima zakat atau sebaliknya. Had (كفاية) dari sudut bahasa bermaksud pemisah antara dua pihak, kesudahan sesuatu, tajam dan tegahan (al-Razi, 1999). Dari sudut istilah fiqh, had bermaksud kadar hukuman yang ditentukan dan wajib dilaksanakan terhadap seseorang pesalah. Dari sudut mantik, had ialah percakapan yang menunjukkan atau menonjolkan isi kandungan sesuatu (Majma al-Lughah al-Arabiyyah, 1997). Walau bagaimanapun, had yang bermaksud pemisah di antara dua pihak adalah sesuai digunakan bagi perbincangan di sini kerana ia mengupas tahap keperluan penerima zakat.

Kifayah dari sudut bahasa adalah nama terbitan dari perkataan kafa (كفى) yang bermaksud apabila telah melakukan sesuatu (al-Harawi, 2001). Selain itu, terbitan dari perkataan kafa ialah kufyah yang bermaksud sesuatu yang mencukupkan keperluan kehidupan seseorang. Dikatakan juga, kufyah bermaksud makanan asasi (Ibn Manzur, 1414H). Oleh itu maksud kifayah yang boleh dikaitkan di sini ialah sesuatu yang menjadikan seseorang merasa bahawa keperluan hariannya telah dipenuhi.

Dari segi istilah fiqh pula, Imam al-Nawawi rahimahullah (t.t) menyatakan bahawa kifayah adalah makanan, pakaian dan tempat tinggal dan selainnya yang sesuai tanpa kedekut dan tanpa melampaui batas, untuk dirinya dan tanggungannya. Di sini, kifayah merangkumi keperluan daruriyyat iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal yang merupakan perkara asas dalam kehidupan seseorang. Kifayah juga termasuk hajiyyat iaitu keperluan tambahan seseorang menurut keberadaannya dalam masyarakat untuk perkembangan kognitif dan sara diri seperti perbelanjaan pengajian, penggunaan kenderaan dan peralatan telekomunikasi.

Al-Gharnati (1994) pula menjelaskan bahawa Imam Malik rahimahullah mengatakan orang yang memiliki 40 dirham tetapi tanggungannya ramai seperti isteri, anak dan ibu bapa, boleh diberi zakat. Kadar itu tidak mencukupi keperluan mereka kerana bilangan yang memerlukan keperluan untuk dipenuhi adalah ramai berbanding bahan yang ada untuk memenuhi keperluan itu sedikit sahaja.

Dari penerangan di atas, dapat disimpulkan had kifayah itu bermaksud garis panduan bagi penentuan kecukupan keperluan seseorang dalam sehari. Ia tidak terikat dengan kadar tertentu seperti 100 dirham atau sebagainya. Malah tidak juga terikat dengan pemilikan keperluan asas seperti rumah, pakaian dan sebagainya. Kecukupan berbeza di antara seseorang dengan selainnya.

Oleh itu dapat dikatakan bahawa kadar had kifayah ditentukan mengikut keperluan semasa seseorang. Sesuatu yang diperolehi oleh seseorang dan kadarnya cukup untuk keperluannya dalam sehari atau dapat menampung keperluan dalam setahun, termasuk orang yang di bawah tanggungannya di mana menjadi kewajipannya untuk menanggung keperluan mereka, maka dikatakan dia telah mencapai tahap had kifayah.

Pada masa ini Brunei Darussalam menentukan isi rumah yang berpendapatan bulanan pada paras KMKA \$283 atau kurang yang memohon dan memerlukan bantuan, maka permohonan tersebut boleh dipertimbangkan dan layak untuk menerima bantuan. KMKA ini telah digunapakai oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan bagi mengagihkan bantuan kepada pemohon-pemohon mengikut garis panduan yang ditetapkan. Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama mengambil jumlah tersebut sebagai pengukur bagi pembahagian zakat fakir miskin. Begitu juga Kementerian Pendidikan yang berpandukan kepada KMKA \$283 bagi agihan bantuan persekolahan.

KMKA setiap keluarga pada aras \$283 sebulan tiada kaitan dengan saiz isi rumah. Kiraan tersebut diperolehi dari konsep bakul makanan dan bakul bukan makanan. Bakul makanan terdiri daripada makanan asasi yang berdasarkan tiga ciri iaitu sihat, rendah kalori dan popular. Penentuan jenis makanan sihat diperolehi, hasil dari perbincangan dengan Kementerian Kesihatan. Setiap makanan dipastikan kalorinya. Had kalori yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan ialah 2,200 kalori sehari. Popular pula dilihat pada penggunaan isi rumah bermula dari tahap rendah sehingga ke tahap tinggi. Makanan yang dibeli dan diguna oleh responden akan direkodkan setiap bulan. Harga makanan juga diambilkira. Makanan yang bukan dimasak di rumah serta makan di tempat tersebut seperti makan di restoran atau kedai makan tidak dimasukkan ke dalam kiraan bakul makanan ini.

Bakul bukan makanan merujuk kepada barang asasi yang bukan makanan seperti tiket kapal terbang, penggunaan minyak kereta seperti diesel atau petrol, bil air, wifi dan kad kredit. Kajian berdasarkan bakul makanan dan bukan bakul makanan dilakukan setiap 4 tahun. Ia dilakukan sedemikian berdasarkan perubahan keadaan ekonomi yang sering berubah kesan perubahan ekonomi dunia. Kajian berasaskan pendapatan isi rumah 20% terendah malah digunakan sebagai pemandu bagi menentukan had kifayah. Tiada miskin tegar di Brunei. Namun, wujud miskin relatif disebabkan mereka boleh mendapat bekalan air, letrik, pendidikan, perubatan dan lain-lain berbanding negara lain (Awang Janapi, 2020). Miskin relatif dikaitkan dengan pendapatan (Norzita dan Siti Hadijah, 2014).

Tahun 2016 had kifayah miskin ialah \$253 (Abdul Aziz, 2020). Ini berdasarkan kepada andaian pendapatan yang diterima setiap bulan. Jika seseorang berpendapatan \$1,000 sebulan, orang di bawah tanggungannya seramai empat orang, maka purata pendapatan setiap orang ialah \$200. Jumlah ini kurang daripada had kifayah. Melalui kiraan tersebut, ketua keluarga dikategori sebagai miskin dan berhak menerima zakat.

Pada tahun 2017 hingga sekarang, had kifayah kategori miskin naik kepada \$283 sebulan (sebagai garis panduan). Kadar tidak rasmi ini adalah kerana kelayakan menerima zakat akan berubah apabila melihat kepada keadaan jumlah anak, isteri bekerja atau suri rumah, hutang yang ditanggung, bayaran sewa rumah dan lain-lain. Ada juga yang berpendapatan lebih \$283 tetapi diberi zakat juga untuk membantu bayaran sewa rumah.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Brunei Darussalam telah mengambil inisiatif mengguna kiraan skala *Organisation for Economic Corporation Development* (OECD) untuk sukat-sukat bagi pemohon yang memohon bantuan. Ini adalah satu langkah yang baik bagi mengemaskan lagi penentuan status fakir miskin di negara ini. Kajian kiraan skala tersebut dilakukan sekali dalam tempoh empat tahun.

Oleh itu, dua cara digunakan untuk menentukan sesuatu keluarga bertaraf fakir miskin dan layak diberi bantuan atau agihan zakat, iaitu:

Cara 1: Jika pendapatan isi rumah iaitu suami isteri berjumlah \$1,000, maka dibahagi empat berdasarkan bilangan isi rumah. Jumlah yang diperoleh ialah \$250. Jumlah ini berada di bawah KMKA \$283 yang melayakkan pemohon layak menerima bantuan. Cara ini diguna oleh Majlis Ugama Islam Brunei.

Cara 2: Berdasarkan kiraan skala OECD. OECD memberi nilai khusus kepada isi rumah. Nilai-nilai bagi ketua dan isi rumah dinyatakan dalam jadual 2.

Jadual 2: Nilai khusus isi rumah

Status dalam skala	Status dalam keluarga	Nilai
Ketua isi rumah	Suami	1.0
Isi rumah dewasa (bukan ketua)	Isteri	0.5
Isi rumah (umur bawah 12 tahun)	Anak	0.3
Isi rumah (umur bawah 12 tahun)	Anak	0.3
	Jumlah	2.1

Sumber Kementerian Kewangan dan Ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Pendapatan isi rumah berjumlah \$1,000 dibahagi 2.1 iaitu jumlah nilai isi rumah. Jumlah yang diperoleh ialah \$476. Jumlah ini berada di atas KMKA \$283 yang menunjukkan tidak layak menerima bantuan. Namun, ia perlu disemak sama ada layak terima bantuan jika terdapat faktor lain yang melayakkan keluarga tersebut menerima bantuan. Cara ini diguna oleh JAPEM bagi pemberian bantuan.

Faktor Permohonan Zakat

Faktor memohon zakat di negara ini secara umum boleh dibahagikan kepada tiga iaitu ketua keluarga tidak bertanggung jawab, kos sara hidup yang tinggi dan tidak bekerja, yang membolehkan menerima agihan zakat fakir miskin.

Pertama, ketua keluarga tidak menunaikan tanggung jawab. Ini berlaku disebabkan perceraian, kematian suami, ditinggalkan suami tanpa nafkah dan suami dipenjara kerana kes jenayah dan terlibat dadah (Pelita

Brunei, 2015). Status sebagai ibu tunggal boleh menyebabkan bekas isteri itu memohon zakat. Menurut kajian Muhammad Ismail Mustari, Robiah Ya'akob, Syarifah@Noriana Chik *et.all* (2004), ibu tunggal adalah wanita yang berperanan menjaga, memelihara anak-anak seorang diri tanpa seorang lelaki disampingnya untuk bersama membina rumahtangga. Gelaran ibu tunggal adalah gelaran hormat kepada individu tersebut.

Menurut Halizah (2021), permohonan bagi mendapatkan zakat adalah disebabkan pengabaian bekas suami atau bapa terhadap anak-anak yang berada di bawah jagaan bekas isteri. Ibu tunggal ini memelihara anak-anak yang masih kecil. Bagi anak yang masih bersekolah, ibu ini juga yang akan menghantar mereka ke sekolah dan menjemput mereka apabila selesai sesi persekolahan. Kesuntukan masa ini meyebabkan ibu tunggal tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada mendapatkan keperluan sara hidup seharian. Bagi ibu tunggal, menekankan pendidikan anak-anak serta mencari pekerjaan yang sesuai adalah suatu dilema yang sukar. Banyak kajian dan bukti yang menyatakan kemiskinan berhubung kait dengan pendidikan. Menurut Awang Had Salleh (H.Osman, 1995), kemiskinan boleh menyebabkan pencapaian pendidikan rendah dan seterusnya menyebabkan kemiskinan diwariskan daripada ibu bapa kepada anak-anak. Pendidikan ibu bapa yang rendah cenderung menyebabkan pencapaian pendidikan turut rendah dalam kalangan anak mereka (H.Osman, 1995).

Kedua, kos sara hidup. Jika ditinjau dari kos sara hidup, harga barangan keperluan harian seperti makanan kerap meningkat yang dikaitkan dengan kenaikan harga minyak global. Manakala kadar pendapatan sama ada diterima secara gaji bulan atau gaji hari menerima kenaikan yang sedikit atau tiada kenaikan langsung. Bagi mereka yang berpendapatan kecil atau rendah, keadaan tersebut amat membebankan.

Kadar kemiskinan meningkat seiring dengan peningkatan kos sara hidup. Perbelanjaan harian berada pada kadar yang tinggi berbanding pendapatan yang diperolehi (Abdul Aziz, 2020). Terutama dalam keadaan sekarang ketika dunia dilanda serangan virus corona di mana komunikasi secara maya memerlukan penggunaan internet. Tidak kira sama ada penggunaanya penjawat awam, pekerja swasta atau pelajar di peringkat pengajian tinggi, menengah dan rendah. Ianya menambah lagi kos yang perlu dibayar setiap bulan, di samping perbelanjaan makan minum harian.

Bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah, titipan duit atau makanan dan minuman diperlukan untuk anak-anak mengalaskan perut ketika berada di sekolah. Yuran persekolahan perlu dibayar setiap bulan. Manakala pada akhir penggal persekolahan pada hujung tahun atau sebelum mula persekolahan pada awal tahun baru, ibu bapa atau penjaga perlu menyediakan duit untuk membeli keperluan persekolahan tahun baru. Ia lebih membebankan jika ketua keluarga mempunyai tanggungan yang ramai.

Perbelanjaan bagi menunaikan keperluan yang banyak menyebabkan perbelanjaan itu melebihi paras pendapatan sekaligus menyebabkan segelintir masyarakat yang bekerja terjebak dalam berhutang. Sekitar 40 peratus kalangan penerima zakat mempunyai pekerjaan tetapi ada hutang (Abdul Aziz, 2020). Hutang yang sering dialami oleh mereka ialah hutang bayaran ansuran kereta dan sewa rumah.

Ketiga, tidak bekerja. Tidak berkerja menyumbang kepada keadaan seseorang berada dalam kalangan fakir miskin kerana tidak memperoleh sesuatu pendapatan. Ia boleh berlaku disebabkan ketua keluarga adalah seorang kelainan upaya (OKU) sama ada keadaan tersebut berlaku semasa kecil atau semasa dewasa. OKU bermaksud orang yang mempunyai kekurangan fizikal atau mental dalam jangka masa panjang, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi menghadapi pelbagai halangan yang boleh menyekat mereka dari penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat (Hazlin Falina, Wan Amizah dan Maizatul Haizan, 2017). OKU terbahagi kepada beberapa jenis iaitu masalah penglihatan dan pendengaran dan cacat anggota lain. Negara Brunei Darussalam seperti negara-negara lain juga mengambil berat kesejahteraan golongan OKU dan sentiasa berusaha melibatkan mereka dalam arus kemajuan negara. Program-program telah dirangka bagi meningkatkan peluang pekerjaan bermula tahun lepas (Haniza Abdul Latif, 2019).

Terdapat juga orang tua yang diabaikan oleh keluarganya. Mereka ini berumur lanjut dan tidak lagi mampu bekerja dan tidak ada orang lain atau kaum keluarga yang menanggung nafkahnya. Selain itu, pesakit kronik seperti kencing manis, jantung, atau ditimpa kecacatan dan sebagainya yang tidak mampu berusaha dan tiada sesiapa yang diharapkan untuk membantu. Begitu juga pesara (Pelita Brunei, 2015) sama ada pada umur 55 tahun atau

60 tahun. Ada di antara mereka yang masih lagi memerlukan perbelanjaan kerana anak-anak masih melanjutkan pelajaran, atau belum memiliki rumah sendiri dan perbelanjaan lain. Pencen tua yang diperoleh tidak mencukupi untuk melunaskan pelbagai keperluan. Terdapat juga individu yang mahu dibantu sepanjang hayat (Abdul Aziz, 2020). Mereka ini memang tidak mahu bekerja walaupun badan sihat disebabkan persepsi mereka terhadap penerimaan zakat.

KESIMPULAN

Fakir miskin adalah orang yang tidak mampu bekerja atau tiada pekerjaan atau ada pekerjaan tetapi pendapatan yang diperoleh tidak dapat memenuhi keperluan sepenuhnya. Dengan adanya garis panduan had kifayah atau KMKA, memudahkan bagi pihak kerajaan mengatur urusan berkaitan pembahagian zakat kepada asnaf fakir miskin yang berhak menerima zakat. Had kifayah boleh dibezakan berdasarkan faktor OKU, memiliki rumah sendiri dan menyewa. Aspek agihan iaitu kadar jumlah yang diagihkan perlu diambil kira. Agihan yang tidak dapat menampung keperluan boleh menyebabkan berlakunya permohonan berulang. Hasrat untuk melepaskan diri dan keluarga dari belunggu hutang tidak dapat direalisasikan jika kadar zakat yang diterima kurang dari keperluan harian. Kadar kecukupan perlu diambil kira semasa menentukan jumlah dan jenis bantuan zakat. Ini supaya bantuan dapat menampung hajat atau keperluan asnaf. Bagi yang mampu bekerja, boleh menyisihkan sebahagiannya untuk dijadikan modal perniagaan, bertani dan lain-lain usaha sebagai langkah mengeluarkan diri asnaf dari senarai penerima zakat.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam atas sokongan dan pembiayaan melalui geran penyelidikan. Penghargaan juga kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, terutama kepada seksyen jurnal kerana menerima dan menerbitkan artikel ini.

RUJUKAN

- Al-Gharnati, Muhammad bin Yusuf. (1994). *Al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*. T.tp: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Harawi, Muhammad bin Ahmad. (2001). *Tahzib al-Lughah*. Beirut: Dar Ihya al-Turrath al-‘Arabi.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. (t.t). *Al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab*. T.tp: Dar al-Fikr.
- Al-Razi, Zain al-Din Abu Abdullah Muhammad bin Abi Bakr. (1999). *Mukhtar al-Sihah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Awang Abdul Aziz bin Akop, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, pada Rabu 18 Syawal 1441H/10 Jun 2020, di Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Awang Janapi bin Jian, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Ketua Unit Bantuan Kebajikan Am, pada Sabtu 10 Muharram 1442H/29 Ogos 2020, di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Borang permohonan bagi bantuan wang zakat Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.
- H. Osman Rani. (1995). *Daerah-Daerah Kemiskinan: Siri Kajian Ekonomi Dewan*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit (Datin Dr). (2015). *Pentadbiran Zakat Di Negara Brunei Darussalam 1955-1991*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama). (1970) *Orang Yang Menerima Zakat*. Kertas Kursus Pegawai Dan Guru-Guru Ugama Dan Arab Senegeri Brunei kali ke-lapan, 17-24 April 1970.
- Haniza Abdul Latif. Utamakan Kebajikan Dan Kesejahteraan OKU. *Pelita Brunei*. 9 Januari 2019, hlm 1.

Hazlin Falina Rusli, Wan Amizah Wan Mahmud dan Maizatul Haizan Mahbob. Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya Di Malaysia Dari Perspektif Media. *Proceedings – The International Conference On Media and Communication 2017*. 2017.

Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (1997). *Al-Mu'jam al-Wajiz*. T.tp: t.pt.

Muhammad Ismail Mustari, Robiah Ya'akob, Syarifah@Noriana Chik, Kamarul Azmi Jasmi dan Ahmad Kilani Mohamed. Permasalahan Ibu Tunggal Dalam Melaksanakan Tanggungjawab Pendidikan Anak-Anak: Satu Kajian Di Kawasan Sura, Dungun, Terengganu Darul Iman. Kertas kerja dibentang dalam Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 pada 29-30 Mei 2004. Anjuran Pusat Keluarga UM (UMCED), UM.

Norzita Jamil dan Siti Hadijah Che Mat. Realiti Kemiskinan – Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 48(1)2014, 167-177.

Pelita Brunei. (2015). *Tingkatkan Taraf Hidup, Jangan Bergantung Sepenuhnya Kepada Zakat*. <http://pelitabrunei.gov.bn/Lists/Haluan/NewDisplayForm.aspx?ID=173&ContentTypeId=0x0100E45E094702897743A80F278A641051F8>. Akses pada 23 Mac 2021.

Peraturan Zakat dan fitrah 1969 di bawah Enakmen Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Bil 20) tahun 1955.

